

Headline	Tanam pokok tangani perubahan iklim		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	13	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	178 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,774
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,322



Tanam pokok tangani perubahan iklim

KUALA LUMPUR - Masyarakat digalakkan untuk mengambil inisiatif menanam pokok di kediaman masing-masing kerana ia adalah strategi paling berkesan bagi mengurangkan kesan perubahan iklim, selain dapat mewujudkan persekitaran lebih hijau.

Ketua Program Perubahan Iklim, Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar dan Perhutanan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Azian Mohti berkata, perubahan iklim adalah isu penting kerana ia sedang berlaku dengan amat cepat, maka langkah perlindungan alam sekitar seperti penanaman pokok baharu perlu dipertingkatkan.

Beliau berkata, seiring dengan perkembangan teknologi, pelba-

gai teknik tanaman boleh dipraktikkan tidak kira sama ada seseorang itu tinggal di bandar ataupun di kampung.

“Wujud beberapa teknik tanaman yang dapat mengatasi masalah kekurangan ruang untuk menanam pokok. Mereka yang tidak mempunyai tanah juga boleh bercucuk tanam walaupun dalam kawasan terhad,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Azian berkata, penanaman lebih banyak pokok bukan sahaja dapat menambah kawasan hijau, malah usaha ini dilihat boleh mengurangkan jejak karbon (*carbon footprint*) dan apabila semakin tinggi nilai indeks jejak karbon, semakin tinggi kepekatan gas rumah hijau di atmosfera. - *Bernama*



Penanaman lebih banyak pokok bukan sahaja dapat menambah kawasan hijau, malah boleh mengurangkan jejak karbon.